



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DAERAH HILIR
PERAK PADA ERA KOLONIAL BRITISH,
1900-1957



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RAJA NUR AYUNI BINTI RAJA IBRAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DAERAH HILIR PERAK PADA ERA
KOLONIAL BRITISH, 1900-1957**

RAJA NUR AYUNI BINTI RAJA IBRAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁷(hari bulan).....¹⁰ (bulan) 20..²⁵....

i. Perakuan pelajar :

Saya, RAJA NUR AYUNI BINTI RAJA IBRAHIM (M20202001083) (SILA
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
disertasi/tesis yang bertajuk PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DAERAH HILIR PERAK
PADA ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF DR KHAIRI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DAERAH HILIR PERAK
PADA ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

7-10-2025

Tarikh


Tandatangan Penyelia

PROFESOR DR KHAIRI BIN ARIFFIN
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DAERAH HILIR PERAK PADA ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

No. Matrik /
Matric's No.: M20202001083

Saya / I am: RAJA NUR AYUNI BINTI RAJA IBRAHIM

(Nama Pelajar / Student's Name)


mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -


1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga _____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until _____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

***Nota / *Notes:**

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai TERHAD atau SULIT. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 7.10.2025

Tarikh:

DR KHAI RI BIN ARIFFIN
Jabatan Sejarah
Unit: Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya saya telah dapat menyempurnakan kajian penyelidikan ini sebagai tesis Sarjana dalam bidang sejarah. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Khairi Ariffin selaku penyelia utama yang gigih menyelia, memberikan input penambahan, idea, nasihat serta teguran membina walaupun dalam kesibukan jadual dan situasi Covid-19. Perbincangan secara maya dan bersemuka telah memberikan motivasi kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini. Seterusnya, saya mengucapkan penghargaan kepada pensyarah Jabatan Sejarah atas tunjuk ajar, panduan dan nasihat sepanjang penyeliaan. Kajian ini dijalankan di Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan Pantai Timur, beberapa perpustakaan universiti dan Perpustakaan Negara. Terima kasih kepada semua kakitangan yang terlibat atas kerjasama mendapatkan dokumen dan bahan kajian. Saya juga amat menghargai sahabat-sahabat yang memberi semangat, ilmu dan bantuan sepanjang perjalanan ini iaitu Qusyairi Yunus, Intan Sarihan, Nazrul Aizat, Nur Amalina, Muhd Fakhrrur Razi, Fatin Nabella dan Noor Atiqa. Akhir sekali, saya berterima kasih kepada keluarga dan ibu bapa saya, Raja Ibrahim bin Raja Jusoh dan Rokiah Binti Abd Kadir, atas pengorbanan, keyakinan dan semangat yang diberikan. Segala bimbingan, nasihat, semangat dan idea semua pihak amat saya hargai. Semoga Allah SWT membalas segala jasa dan pengorbanan masa oleh semua pihak.





ABSTRAK

Kajian ini meneliti secara mendalam perkembangan perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak semasa era pentadbiran kolonial British antara tahun 1900 hingga 1957. Tujuan utama penyelidikan ini adalah mengkaji sejarah dan latar belakang masyarakat Hilir Perak, menganalisis perkembangan kemudahan kesihatan moden, memahami peranan pentadbir kolonial dalam menangani isu kesihatan, serta menilai kesan perkhidmatan kesihatan terhadap kesejahteraan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis dokumen rasmi, rekod pentadbiran kolonial, laporan tahunan kerajaan negeri, serta sumber-sumber arkib dan kajian terdahulu. Kajian mendapati bahawa sebelum kedatangan kolonial British, masyarakat di Hilir Perak mengamalkan rawatan tradisional menggunakan herba dan khidmat bomoh atau pawang. Namun, dengan perluasan kegiatan ekonomi, kemasukan tenaga buruh asing dan keadaan persekitaran yang tidak terjaga, penyakit berjangkit seperti malaria, kolera, cacar air, beri-beri, dan taun merebak dengan cepat sehingga menjejaskan produktiviti tenaga buruh serta hasil ekonomi. Pentadbiran kolonial British memperkenalkan pelbagai kemudahan kesihatan moden termasuk hospital, dispensari, klinik desa, klinik bergerak, pusat perbidanan dan institusi penyelidikan. Penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) memainkan peranan penting dalam mengenal pasti punca penyakit berjangkit dan membangunkan langkah pencegahan termasuk vaksinasi dan sistem kuarantin. Pentadbiran kolonial juga melaksanakan undang-undang kesihatan awam, program sanitasi bandar, dan sistem pemantauan penyakit bagi mengawal penyebaran wabak. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman sejarah perubatan dan kesihatan awam di Hilir Perak, serta menjadi rujukan penting dalam melihat evolusi sistem kesihatan moden di Malaysia.



HEALTH SERVICES IN THE HILIR PERAK DISTRICT IN THE BRITISH COLONIAL ERA, 1900-1957

ABSTRACT

This study provides an in-depth examination of the development of healthcare services in the Hilir Perak district during the British colonial administration from 1900 to 1957. The primary objectives are to explore the historical and social background of Hilir Perak, analyze the evolution of modern medical facilities, understand the colonial administrators' role in addressing public health issues, and assess the overall impact of these healthcare services on the socio-economic well-being of the local population. Employing a qualitative approach, the research draws upon official documents, colonial administrative records, state annual reports, archival sources, and previous scholarly studies. Prior to British intervention, the local population relied heavily on traditional medicine, including herbal remedies and treatments provided by shamans and healers. However, the expansion of economic activities, the influx of migrant laborers, and unsanitary living conditions led to widespread outbreaks of infectious diseases such as malaria, cholera, smallpox, beriberi, and dysentery, which significantly hindered workforce productivity and economic output. In response, the British colonial administration introduced modern healthcare infrastructure, including hospitals, dispensaries, rural clinics, mobile clinics, maternity centers, and medical research institutions. The establishment of the Institute for Medical Research (IMR) played a crucial role in identifying disease vectors and developing preventive measures, including vaccination programs and quarantine systems. Public health legislation, sanitation campaigns, and disease surveillance systems were also implemented to control the spread of epidemics. This research contributes to the broader understanding of medical history and public health evolution in colonial Malaya and serves as a valuable reference for tracing the origins of Malaysia's modern healthcare system.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	12
1.8 Definisi Istilah	14
1.9 Kajian Literatur	16



1.10 Pembahagian Bab	24
1.11 Kesimpulan	26

BAB 2 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MASYARAKAT DI HILIR PERAK

2.1 Pengenalan	28
2.2 Sejarah dan Latar Belakang Daerah Hilir Perak	28
2.3 Kedudukan Geografi Hilir Perak	32
2.4 Komposisi masyarakat	36
2.5 Kemudahan Infrastruktur	40
2.5.1 Perbandaran	40
2.5.2 Sistem Perhubungan dan Pengangkutan	44
2.5.3 Petempatan	59
2.5.4 Kemudahan Asas	64

2.6 Aspek Sosial	70
2.6.1 Amalan dan Kepercayaan Sosial	71
2.6.2 Pendidikan	75
2.6.3 Pertanian	82

BAB 3 PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN KOLONIAL BRITISH DI DAERAH HILIR PERAK

3.1 Pengenalan	90
3.2 Perkembangan Institusi perkhidmatan kesihatan kolonial british di Hilir Perak	91
3.2.1 Hospital dan Dispensari	94
3.2.2 Hospital Estet	101
3.2.3 Pusat Bersalin dan Kebajikan Kanak -Kanak (<i>Maternity and Child Welfare</i>)	105
3.2.4 Perkhidmatan Perbidanan	112

3.2.5 Peranan Agensi Daerah Penubuhan Lembaga Kesihatan (Health Board)	117
3.2.6 Perkhidmatan Lembaga Kebersihan (<i>Sanitary Board</i>)	119
3.2.7 Pentadbiran Majlis Daerah (<i>District Council Administration</i>)	123
3.2.8 Perkhidmatan Lembaga Bandar (<i>Town Board</i>)	125
3.2.9 Kemasukan Buruh Asing dan Masalah Penyakit	127
3.3 Penyusunan Kerjasama Dalam Pentadbiran Perubatan dan Kesihatan	133
3.3.1 Perkhidmatan Bekalan Air	133
3.3.2 Perkhidmatan Jabatan Pengairan dan Saliran (<i>Irrigation and Drainage</i>)	139

BAB 4 PERANAN PIHAK PENTADBIR KOLONIAL BRITISH TERHADAP ISU -ISU KESIHATAN DI DAERAH HILIR PERAK

4.1 Pengenalan	144
4.2 Peranan Penasihat British dalam Hal Ehwal Perubatan dan Kesihatan di Hilir Perak	145
4.2.1 Penyusunan Organisasi Bidang Kesihatan dan Perubatan	145
4.2.2 Sistem Kuarantin dan Sistem Vaksin	151
4.2.3 Penguatkuasaan Undang-undang	155
4.3 Isu - isu Kesihatan di Daerah Hilir Perak	157
4.3.1 Malaria	157
4.3.2 Cacar Air	164
4.3.3 Beri -beri	165
4.3.4 Kolera	170
4.3.5 Penyakit Anjing Gila (<i>Rabies</i>)	177
4.4 Langkah Mempertingkatkan Usaha Menangani Isu Penyakit di Kawasan Hilir Perak	178

4.4.1 Pemakanan dan Malnutrisi	178
4.4.2 Pelaksanaan Kerja Anti Malaria (<i>Anti- Malaria Work</i>)	182
4.4.3 Program Pendidikan Kesihatan Awam dan Pemeriksaan Sekolah	188
4.4.4 Program Kebersihan dan Sanitasi	191
4.4.5 Reaksi Masyarakat Terhadap Perkhidmatan Perubatan Barat	195

BAB 5 KESAN PERKHIDMATAN KESIHATAN TERHADAP MASYARAKAT DAERAH HILIR PERAK

5.1 Pengenalan	198
5.2 Peluasan dan Pembentukan Kakitangan Pakar Perubatan	199
5.2.1 Penambahan Bidang Perubatan Lain dan Dasar Kesihatan British	206
5.3 Penambahan Kemudahan Perkhidmatan Kesihatan	214
5.4 Peningkatan Ekonomi Pembangunan Bandar dan Perkembangan Sektor Pekerjaan	219
5.5 Masalah kesihatan dan Kadar kematian berkurang Masalah kesihatan dan Kadar kelahiran meningkat	225
5.6 Pertambahan Jabatan Kesihatan Kanak-Kanak	228
5.6.1 Kesan Pertambahan Jabatan Kesihatan	230

BAB 6 KESIMPULAN

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Anggaran analisis penduduk di daerah Hilir Perak sehingga 1930	38
2.2	Populasi Penduduk Bandar di Perak	43
2.3	Perhubungan Telegraf, 1892	57
2.4	Tanah diasingkan 913, jumlahnya dihuni pada Januari 1914	62
2.5	Bank Beroperasi Negeri Perak , 1949	65
2.6	Yuran Gera di Pasar daerah Hilir Perak	68
2.7	Sekolah yang dibina mengikut tahun (1889-1894)	77
2.8	Ladang Tersenarai di Hilir Perak Tahun 1908	86
3.1	Bilangan Pesakit di Hospital -Hospital Daerah Perak	96
3.2	Jumlah Operasi Pembedahan di Hospital Besar, Perak	97
3.3	Bilangan Penduduk Mendapatkan Rawatan di Pusat Perbidanan, 1930	115
3.4	Kadar Cukai Tafsiran Am bagi Hilir Perak pada tahun 1947	126
3.5	Purata Anggaran Kemasukan Tenaga Buruh Pada Tahun 1894 di Perak	129
3.6	Taburan Tenaga kerja Mengikut Daerah Perak	131
3.7	Permohonan Bekalan Air Oleh Wakil Kawasan Hilir Perak	137
4.1	Kes Beri -beri di Negeri Perak 1906	166
4.2	Rekod Penyakit Kolera bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu	172
5.1	Jumlah katil di Hospital Telok Anson	217
5.2	Bilangan Katil di Hospital Daerah Hilir Perak	217
5.3	Anggaran Perbelanjaan Perkhidmatan Kesihatan 1955	233



SENARAI RAJAH

No. RAJAH		Muka Surat
2.1	Kedudukan Bandar Daerah Hilir Perak	42
2.6	Gambaran demografi kawasan pelabuhan Hilir Perak	33
4.1	Struktur Organisasi Jabatan Perubatan Negeri Perak	149
4.2	Graf penyakit Malaria di Negeri- negeri Melayu Bersekutu	162
4.4	Paparan poster bagi menangani masalah penyakit malaria	184





SENARAI PETA

No. Peta		Muka Surat
2.1	Peta Negeri Perak	32
2.2	Peta Daerah Hilir Perak	33
2.4	Skala laluan yang dikendalikan oleh kereta api NNMB	50
2.5	Gambaran demografi Pelabuhan Teluk Anson di kawasan Hilir Perak	51
4.1	<i>Peta menunjukan kawasan penularan penyakit kolera di Hilir Perak</i>	171





SENARAI SINGKATAN

JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society
CO	Colonial Office
IPP	Institut Penyelidikan Perubatan
HCO	High Commissioner's Office
IMR	Institute of Medical Research
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
MMN	Majlis Mesyuarat Negeri
PJT	Pesuruhjaya Tinggi British





BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN



1.0 Pengenalan

Kedatangan kolonial British di negeri Perak telah membawa kepada satu perubahan sistem politik serta corak pentadbiran baru yang diperluaskan ke setiap kawasan di negeri-negeri Melayu. Perubahan yang berlaku ini juga turut berlaku di daerah Hilir Perak yang terkenal sebagai salah sebuah kawasan yang menjadi tumpuan dalam kegiatan sektor ekonomi. Kemasukan British pada tahun 1874 memperlihatkan pengenalan awal berkaitan dengan peningkatan ekonomi daripada pelbagai sektor kemasukan buruh asing, perdagangan dan pertanian yang melibatkan golongan pelabur luar.¹ Perak merupakan negeri pertama yang telah dijajah oleh pihak British ketika tahun 1874.² Perjanjian Pangkor yang dimeterai ketika tahun 1874 iaitu bertarikh 20 Januari, Perak diletakkan di bawah pentadbiran kolonial British sehingga membawa pengaruh

¹ The Perak Government Gazette for the Year 1890

² Khoo K,K (1995), Teluk Anson: 1882-1941:Port, Agriculture and Erosion, Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society,hlm33-52





yang besar kepada perkembangan kemudahan negeri tersebut yang turut melibatkan kawasan di daerah Hilir Perak.³

Hilir Perak merupakan salah satu daerah dalam pentadbiran British di Perak yang mempunyai tumpuan disebabkan mempunyai pelabuhan yang strategik menghala ke Teluk Anson. Implikasi terhadap perkembangan yang berlaku di Hilir Perak telah menjurus kepada kemunculan dalam masalah kesihatan yang semakin rumit dan sukar ditangani sehingga perkhidmatan kesihatan diwujudkan. Masyarakat Melayu, India dan Cina pada tahun 1990an dahulu memiliki pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan usaha bagi memulihkan masalah penyakit cirit-birit atau demam panas dengan menggunakan herba yang dihasilkan sendiri.⁴ Jadi sebelum perubatan moden diperkenalkan pada era colonial British, masyarakat di negeri Perak melibatkan beberapa daerah lain termasuklah daerah Hilir Perak hanyalah bergantung sepenuhnya kepada perubatan tradisional Melayu. Kegunaan herba seperti daun-daunan sememangnya menjadi amalan dalam setiap kaum, bangsa mahupun etnik dalam mengamalkan amalan perubatan ini.⁵

1.1 Latar Belakang

Perkembangan kesihatan di negeri Perak mendapat perhatian kolonial British sebagai negeri pertama melibatkan penggunaan beberapa alat permodenan perubatan yang telah diperkenalkan salah satunya di hospital terawal di Perak pada tahun 1880 iaitu Hospital

³ Perak Administration Report for The Year 1913 Government Printing Office

⁴ Hafizah Mohd Sharif (2019). Penghijrahan Masyarakat Melayu Ke Kerian, Perak, 1816-1941; Malaysian Academic Library Institutional Repository

⁵ Federation of Malaya Report of The Medical Department 1949, London School of Hygiene and Tropical Medicine





Yeng Wah di Taiping, Perak yang dilengkapi dengan kemudahan x-ray dicipta oleh Prof W.C Roentgen.⁶ Namun, bagi daerah di Hilir Perak kemudahan perkhidmatan kesihatan tetap mendapat perhatian kolonial British. Pada tahun 1900 penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) diwujudkan berikutan merebaknya penyakit seperti malaria, denggi, cacar air dan beri-beri yang sukar dikawal oleh perubatan tradisional malah sering kali berlaku hampir setiap hari⁷.

Penubuhan IMR adalah bertujuan bagi membuat kajian tentang penyebab penyakit berjangkit serta langkah untuk mengawal jangkitan daripada berterusan merebak. Oleh itu, setiap kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan berkaitan penyakit khususnya melibatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan semakin kerap dilaksanakan.⁸

Ini menyebabkan pada tahun 1928, Bahagian Unit Entomologi dan Badan Penasihat

Malaria (*Anti Malaria Work*), Bahagian Unit Pemakanan & Nutrisi, Biokimia serta Patologi mula ditubuhkan serta diselaraskan kepada semua daerah.⁹ Penjajahan kolonial

British di kawasan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) sekitar abad ke 19, pihak pentadbir kolonial British telah mengambil alih salah sebuah bangunan di Perak bagi dijadikan sebuah klinik rawatan bagi menempatkan masyarakat Eropah. Kemasukan kolonial British menjadi salah satu permulaan kemajuan dalam sektor perkhidmatan termasuklah dari segi perkhidmatan kesihatan.¹⁰ Perkhidmatan kesihatan secara moden ini mula membangun di kawasan yang melibatkan di sekitar kawasan bandar dan perkampungan. Kemajuan perkhidmatan kesihatan ini mula berkembang berikutan ekonomi negeri-negeri Melayu yang semakin mendapat sambutan daripada pedagang-pedagang luar terutamanya menjelang abad ke 19. Pengukuhan struktur pentadbiran

⁶ Perak Secretariat 3241/1917 Hospital Accomodation for Estate Labourers on 1917

⁷ Federated Malay States Annual Report Medical Report for The Year 1931, Government Printing Office

⁸ Straits Settlements Annual Report of The Medical Department for The Year 1931

⁹ Ibid

¹⁰ The Perak Government Gazzette for the Year 1890;hlm 31





kolonial British ini menyebabkan permintaan yang tinggi untuk kemudahan perkhidmatan kesihatan di kawasan Hilir Perak

..the Towkay with three Malays made his way to Teluk Anson to see the minin regulation for Lower Perak.. At day break on the 30th, reported that one European was dead and the other sick... The bodies of the European presented all symptoms, of cholera, and from the surroundings...

Laporan Mount Alexander Mail, melaporkan berita kematian di kawasan Teluk Anson berikutan penemuan orang Eropah yang meninggal dan sakit dikenalpasti akibat simptom penyakit kolera dan keadaan persekitaran yang tidak bersih.¹¹ Oleh itu, kemudahan perkhidmatan kesihatan mula dibangunkan bertujuan untuk menangani masalah kesihatan yang di hidapi oleh masyarakat daerah Hilir Perak terutamanya yang melibatkan tenaga buruh serta pihak pentadbir. Ini kerana ianya menjejaskan pendapatan sumber ekonomi sekiranya bilangan tenaga buruh semakin berkurangan disebabkan isu penyakit berjangkit khususnya yang berlaku ketika tahun 1900-1957.¹² Perkhidmatan kesihatan Hilir Perak pada era kolonial merangkumi penubuhan kemudahan rawatan seperti institusi kesihatan, hospital dan dispensari, klinik bergerak, klinik pekan, klinik desa serta pusat perbidanan. Hal ini, bagi memastikan tahap kesihatan dalam kalangan masyarakat tempatan di Hilir Perak mahupun imigran luar dapat dikurangkan.¹³ Penyebaran penyakit berjangkit ini awalnya disebabkan oleh pembukaan tanah untuk ladang, perkembangan perlombongan dan pembinaan bangunan yang tidak terkawal oleh sistem pentadbiran British sehingga menyebabkan berlakunya gangguan keseimbangan ekologi mengakibatkan berlakunya masalah kesihatan.¹⁴ Pemerintah kolonial serta ketua perkhidmatan perubatan juga kekurangan pengalaman dan pengetahuan asas penyakit

¹¹ Perak Secretariat 2296/1912 Dr. Clarke Report On Epidemic of Cholera in Lower Perak in 1911;ditulis dalam Laporan Mount Alexander Mail sekitar tahun 1890

¹² Perak Sekretariat 2768/1911 Cholera at Lower Perak in Year 1911, Government Printing Office

¹³ Perak Sekretariat 3987/1911 Cholera at Lower Perak, Camp and Bagan Pasir Estate, Government Printing Office

¹⁴ The Perak Government Gazzette for the Year 1895;hlm515





mengakibatkan puluhan ribu pekerja meninggal disebabkan tidak dirawat dengan cepat. Perubahan corak masalah penyakit yang berlaku di negeri-negeri Melayu termasuklah di sekitar daerah Hilir Perak pada era pentadbiran kolonial British ini menimbulkan kemajuan kemudahan kesihatan terutamanya di lokasi tumpuan buruh asing.¹⁵

Segala aktiviti yang melibatkan proses penerokaan dan penggalian tanah bagi tujuan pertanian serta perladangan secara komersial secara tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat di Hilir Perak.¹⁶ Ini kerana, berlakunya gangguan persekitaran yang menyebabkan merebaknya pelbagai wabak penyakit seperti malaria, cacar air, beri-beri, denggi, kolera dan penyakit kulit. Sehingga memberi impak yang besar kepada masyarakat di daerah Hilir Perak. Pengukuhan kolonial British untuk bertapak dan meluaskan kuasanya sewaktu konflik kesihatan berlaku dengan mengambil langkah awal melantik seorang penasihat British digelar sebagai residen dalam struktur pentadbiran.¹⁷ Melalui persekitaran yang berbeza di bawah pentadbiran kolonial British, kepentingan perubatan Barat dalam perkhidmatan kesihatan serta penguatkuasaan dalam struktur pentadbiran kolonial British membawa ke arah permodenan untuk mengawal masalah kesihatan masyarakat di Perak dan daerah dibawah naungannya.¹⁸

Penghijrahan penduduk ke daerah Hilir Perak melalui imigran luar melibatkan kemasukan buruh Cina dan India serta tahap kebersihan yang tidak terjaga menyebabkan berlakunya peningkatan dalam corak penyebaran penyakit. Pentadbiran kolonial British mula mengubah paradigma cara pentadbiran daripada berteraskan sistem tradisional kepada sistem moden. Peralihan secara berperingkat ini juga mampu memberi

¹⁵ Perak Secretariat 869/48 Post Mortem Labourer, District Hospital of Teluk Anson

¹⁶ Federated Malay States Annual Report Social and Economic Progress The People of Perak in the Year 1934

¹⁷ Federated Malay States Annual Report Social and Economic Progress The People of Perak in the Year 1936;hlm596

¹⁸ Ibid;596





impak positif dalam urus tadbir melibatkan perkhidmatan kesihatan di negeri Perak dan daerah-daerah lain yang tidak terkecuali melibatkan di daerah Hilir Perak.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak telah menyumbang kepada kemajuan terhadap masyarakat seiring dengan kepesatan ekonomi yang membangun pada era kolonial British. Kemudahan kesihatan yang wujud di daerah Hilir Perak adalah selaras dengan kemajuan kegiatan pertanian, perladangan dan perdagangan yang menyebabkan perkhidmatan kesihatan diperlukan untuk kemajuan masyarakat.¹⁹

Masyarakat di daerah Hilir Perak pada era tradisional iaitu sebelum kedatangan kolonial British mereka mengamalkan amalan rawatan secara tradisional seperti ritual atau upacara melibatkan penggunaan pawang dan bomoh.²⁰ Namun begitu, penularan penyakit kolera, malaria, cacar air, beri-beri pada era kolonial British telah mencetuskan impak yang besar kepada masyarakat kerana rawatan tradisional tidak dapat menyelesaikan masalah penyakit berbahaya ini.

Peningkatan kes penyakit berjangkit kebanyakannya melibatkan masyarakat yang terlibat secara langsung dalam sektor ekonomi di daerah Hilir Perak.²¹ Kebanyakan buruh India dan Cina yang bekerja adalah daripada kawasan yang berpendudukan padat. Kewujudan buruh India dan Cina di Hilir Perak telah mendorong kepada penularan

¹⁹ Federates Malay States; Perak Administration Report, 1921 ; F.M.S Government Gazette; hlm8

²⁰ A.F.Faisal & Nurul. W (2012); Perubatan Melayu Tradisional: Malay Traditional Medicine: Kitab Tibb Pontianak

²¹ Hassan, N., & Raja, S.S. (2013). Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan, 1896-1910. Journal of the Department of History





penyakit berjangkit kerana dalam kalangan mereka tidak mengambil berat aspek kesihatan.²²

"The Vaccination Enactment. 1930," was passed at a meeting of the Federal Council held on the 8th October. 1930: its object is the consolidation of the law regarding vaccination against smallpox throughout the Federation...²³ of the cases in Perak, seventeen occurred in the Kinta district, four in Larut and Matang, and one in Lower Perak.²⁴

Enakmen Vaksin diperkenalkan di Perak oleh kolonial British yang memperuntukkan pihak kolonial British menyelaraskannya pada tahun 1930 untuk seluruh kawasan termasuklah di daerah Hilir Perak. Enakmen ini bertujuan untuk pencegahan awal berikutan penghijrahan tenaga buruh daripada sesebuah kawasan yang sudah dijangkiti menyebabkan penyakit mudah tersebar.²⁵Keperluan tenaga buruh yang ramai disebabkan eksploitasi sumber melibatkan pertanian, perladangan serta perdagangan memerlukan perkhidmatan kesihatan bagi mengatasi masalah kesihatan masyarakat. Di Hilir Perak juga peningkatan kadar kelahiran dan penurunan kadar kematian dipengaruhi oleh perkembangan tahap kesihatan terkawal serta pengurusan sistem moden di bawah pentadbiran kolonial British. Kes kematian ibu sewaktu proses melahirkan anak menyebabkan penurunan sumber tenaga dalam kalangan wanita berisiko menjejaskan sektor ekonomi kolonial British termasuk di Hilir Perak.²⁶

Perubahan perkhidmatan kesihatan berorientasikan kolonial British seperti penubuhan hospital, dispensari, sistem kuarantin, suntikan vaksin, rawatan awal bagi pesakit dapat menurunkan kes kesihatan di Hilir Perak yang dapat menyumbang kepada

²² Federated Malay States Annual Report Medical Department For The Year 1930

²³ Ibid; hlm2

²⁴ Ibid;

²⁵ Hassan, N., & Raja, S.S. (2013). Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan, 1896-1910. Journal of the Department of History

²⁶ Federated Malay States and Medical Department of Year 1930





kesejahteraan masyarakat. Hasil pelaksanaan oleh kolonial British dalam melaksanakan perkhidmatan kesihatan secara moden ini telah membawa peningkatan taraf perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji sejarah dan latar belakang masyarakat daerah Hilir Perak.
2. Membincangkan perkembangan perkhidmatan kesihatan kolonial British di daerah Hilir Perak.
3. Menganalisis peranan pihak pentadbir kolonial British terhadap isu -isu kesihatan di daerah Hilir Perak.
4. Menilai kesan perkhidmatan kesihatan terhadap masyarakat daerah Hilir Perak.



1.4 Soalan Kajian

1. Bagaimanakah sejarah dan latar belakang masyarakat daerah Hilir Perak?
2. Sejauhmanakah perkembangan perkhidmatan kesihatan kolonial British di daerah Hilir Perak?
3. Apakah peranan pihak pentadbir kolonial British terhadap isu – isu kesihatan di daerah Hilir Perak?
4. Apakah kesan perkhidmatan perkhidmatan kesihatan terhadap masyarakat daerah Hilir Perak?





1.5 Skop Kajian

Kajian ini menjurus kepada perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak pada era kolonial, 1900-1957 melibatkan Bagan Datoh, Teluk Anson, Selekoh, Sungai Sumun, Batak Rabbit, Hutan Melintang, Simpang Tiga, Rungkup, Chikus, Langkap, Degong, Labu Kubong, Sungai Manik dan Changkat Jong di Hilir Perak. Tujuan pemilihan tempoh masa kajian tersebut disebabkan tahun 1900 bermulanya kemajuan dan pembangunan kemudahan kesihatan khususnya di daerah Hilir Perak. Manakala, tahun 1957 dipilih oleh pengkaji sebagai batasan kajian kerana merupakan tahun terakhir penjajahan kolonial British dalam Persekutuan Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Kajian ini hanya melibatkan kawasan daerah di Hilir Perak sebagai lokasi kajian dan dengan itu skop kajian ini tidak digeneralisasikan di daerah lain.



Kawasan penempatan tenaga kerja berpendudukan padat juga difokuskan untuk memperlihatkan persekitaran yang tidak baik menyebabkan peningkatan masalah penyakit di sekitar Hilir Perak. Oleh itu, tumpuan kajian diberikan pada tahun 1900-1957 kerana pada tahun ini British telah dapat membentuk satu sistem pentadbiran yang bersepadu disebabkan Hilir Perak juga termasuk salah sebuah daerah di negeri Perak yang disatukan di bawah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Kewujudan persekutuan ini bertujuan bagi menyelaraskan pentadbiran tempatan dengan pegawai lantikan kolonial British bagi menunjukkan kepentingan penyatuan pentadbiran perubatan di peringkat pusat sama ada dari segi penubuhan institusi kesihatan, dispensari, klinik desa, klinik bergerak serta kemudahan asas yang lain.²⁷

²⁷Hassan, N., & Raja, S.S. (2013). Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan, 1896-1910. *Journal of the Department of History*





Sektor ekonomi di Hilir Perak mula dijalankan dengan pesat dan maju dengan cara menarik kapitalis dan buruh luar masuk secara beramai-ramai selepas penubuhan sistem NNMB. Justeru, lokasi Hilir Perak yang berhampiran dengan kawasan pelabuhan Teluk Anson juga menyebabkan daerah ini menjadi salah satu kawasan tumpuan bagi urusan perdagangan yang menyebabkan kemudahan dari segi perkhidmatan kesihatan amat diperlukan. Tempoh tamat kajian dijalankan adalah sehingga tahun 1957 bagi memperlihatkan perkhidmatan kesihatan pada era kolonial di daerah Hilir Perak semasa di bawah pentadbiran kolonial British.

Latar masa tersebut adalah tempoh masa kolonial British menggunakan dasar campur tangan dan memberi tumpuan terhadap hal-hal yang melibatkan pentadbiran negeri termasuklah pentadbiran di daerah Hilir Perak pada tahun 1900 sehingga 1957.

Dalam latar masa tahun 1900-1957 memperlihatkan peranan pentadbiran kolonial British melibatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan. Skop kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat perubahan kemajuan dari segi kemudahan perkhidmatan kesihatan masyarakat daerah Hilir Perak.

Justeru itu, jangka masa 1900-1957 merupakan satu tempoh yang paling penting dalam memahami peranan serta sumbangan pihak British dalam mengawal penularan penyakit bernyakit berikutan berlakunya eksploitasi ekonomi yang pesat dialami oleh masyarakat Hilir Perak di bawah pentadbiran kolonial British.



1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memperlihatkan sistem pentadbiran kolonial British membawa perubahan serta pembaharuan dari segi kemudahan perkhidmatan kesihatan ke arah yang lebih moden pada era kolonial. Pihak kolonial British juga telah memberi sumbangan terhadap perkembangan serta pembangunan termasuklah di kawasan Hilir Perak. Ianya dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan penglibatan masyarakat di Hilir Perak dengan pelbagai sektor ekonomi seperti perikanan, pertanian dan perdagangan yang menyebabkan timbulnya pelbagai masalah kesihatan seperti kolera, taun, penyakit kulit dan sebagainya. Penglibatan masyarakat dalam sektor ekonomi melibatkan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum tidak kira Melayu, India, Cina dan sebagainya yang menceburinya termasuklah tenaga buruh daripada luar yang memasuki daerah Hilir Perak.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk penyelidikan berilmiah. Ini kerana penyelidikan yang dihasilkan diharap dapat menjadi sebuah sumber rujukan ilmiah yang bermanfaat mengenai sejarah kemajuan melibatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak. Beberapa maklumat, dokumen serta kajian-kajian yang mendalam tentang kemudahan perkhidmatan kesihatan di Hilir Perak menyebabkan pengkaji rasa bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan ini secara lebih mendalam dan terperinci. Ini berfokus kepada daerah Hilir Perak agar dapat mengumpul, mengkaji dan menganalisis maklumat-maklumat penting mengenai kemudahan perkhidmatan yang bertempat di Hilir Perak terutamanya dari segi bidang perkhidmatan kesihatan.





Seterusnya, pengkaji berharap ianya dapat membantu para pengkaji lain, pembaca serta generasi muda yang akan datang untuk lebih mengetahui sejarah perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak dengan lebih mendalam. Malahan, pengkaji berharap hasil kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan sumber pendokumentasian untuk institusi serta rujukan dasar bagi dijadikan rujukan serta panduan dalam bidang pendidikan. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat menjadi sumber rujukan kepada pihak yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan daerah Hilir Perak pada masa akan datang.

1.7 Metodologi Kajian



Melalui kajian penyelidikan yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi menghasilkan kajian penyelidikan yang bersesuaian dari segi penulisan sejarah. Kaedah kajian kualitatif ini menekankan dari sudut aspek analisis dokumen serta manuskrip. Kaedah kajian berbentuk dokumen ini melibatkan proses menganalisis, meneliti dan mentafsir setiap rekod laporan yang telah dicatat ketika era penjajahan kolonial British yang berfokus pada tahun 1900 sehingga 1957.

Kaedah kualitatif dilaksanakan melalui kajian yang dijalankan melalui sumber analisis di perpustakaan awam serta perpustakaan swasta. Pengumpulan data-data dan maklumat penting mengenai Perkhidmatan Kesihatan di Hilir Perak (1900-1957) dapat dikumpulkan daripada dokumen-dokumen asal Rekod tahunan yang dirujuk adalah melibatkan Laporan Pentadbiran Negeri Perak (*Perak Administration Department Report*), Dokumen Laporan Tahunan Negeri Melayu Bersekutu (*Annual Report of*





Federated Malay State), Dokumen Laporan Negeri -Negeri Selat (*Straits Settlements Report*), Warta Negeri (*Gazette*), CO (*Colonial Office Record*) dan fail persendirian serta rujukan daripada universiti - universiti lain melibatkan sumber sekunder jurnal, akhbar lama, artikel, tesis, buku, majalah dan bahan terbitan lain yang berkaitan dengan kajian penyelidikan ini. Bahan-bahan ini dapat diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Negeri Kelantan dan Perpustakaan Awam Bachok.

Kaedah penyelidikan kualitatif ini merupakan salah satu kaedah untuk mencari maklumat yang berkaitan dan memberikan keterangan beserta dengan pemerhatian. Oleh itu, ianya diberikan dalam bentuk keterangan yang tertumpu di daerah Hilir Perak. Struktur bentuk kajian ini diceritakan berdasarkan kronologi tahun yang diperlihatkan



Sebahagian besar penelitian penyelidikan kajian yang dijalankan bagi mendapatkan maklumat untuk proses penulisan laporan ini dikaji dan diteliti bertujuan memperolehi gambaran awal berhubung kait dengan keadaan kesihatan dan kemudahan kesihatan yang dibangunkan di daerah Hilir Perak yang diperolehi daripada hasil laporan yang direkodkan oleh pentadbir daerah serta pentadbir negeri. Akan tetapi, laporan tahunan bagi negeri Perak merangkumi pelbagai jabatan oleh itu segala perbincangan di dalamnya akan diringkaskan dalam setiap jabatan yang berkaitan termasuklah jabatan perubatan yang dikhususkan kepada daerah Hilir Perak.





Kesemua bahan serta maklumat-maklumat yang diperolehi berkaitan dengan kajian ini akan dijadikan sumber rujukan, sama ada sumber rujukan pertama ataupun bagi sumber rujukan kedua. Setiap maklumat-maklumat ini akan ditapis dan dianalisis terlebih dahulu sebelum ditulis di dalam penulisan ini.

1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah penting bagi melakukan kajian penyelidikan terutamanya untuk menerangkan konsep dan maksud yang jelas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Ini kerana, pembaca berkemungkinan mempunyai pemahaman serta takrifan berbeza berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Dengan itu, takrifan istilah akan merujuk kepada konteks kajian sahaja yang perlu dinyatakan dengan lebih jelas bertujuan untuk kefahaman pembaca. Definisi istilah ini boleh dinyatakan menggunakan kaedah analisis konsep. Oleh itu, bahagian ini mengemukakan penggunaan istilah yang digunakan melalui kajian penyelidikan ini berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan.

Perkhidmatan Kesihatan

Fasa penjajahan kolonial British di Perak memperlihatkan peralihan corak kemudahan kesihatan yang disediakan kepada buruh asing termasuklah dalam kalangan buruh tempatan. Hospital dan klinik menjadi salah satu keperluan penting dalam memenuhi kemudahan masyarakat yang menetap di kawasan bandar melibatkan kawasan Batu





Gajah, Taiping, Kuala Kangsar dan Teluk Anson.²⁸ Perkhidmatan kesihatan adalah gambaran yang berkaitan dengan polisi kesihatan ataupun kemudahan rawatan klinikal. Ianya merangkumi, faktor sosial, sistem pembiayaan melibatkan rawatan pesakit, proses organisasi dalam pentadbiran perubatan, teknologi perubatan dan kualiti penggunaan rawatan pesakit.²⁹ Perkhidmatan kesihatan juga dikatakan sebagai keperluan utama masyarakat dalam melindungi dan meningkatkan kesihatan individu ataupun masyarakat yang mengkhususkan kepada beberapa elemen.

Keselamatan masyarakat dikategorikan sebagai elemen penting kerana perawatan yang berkualiti oleh pegawai kesihatan yang profesional dapat membantu mengurangkan masalah kesihatan di hadapi oleh masyarakat setempat. Manakala, dari segi keberkesanan perkhidmatan kesihatan dapat dilihat berdasarkan bukti saintifik bahawa rawatan meningkatkan kemungkinan hasil kesihatan dan dari segi ekuiti pula melibatkan sistem penjagaan kesihatan yang harus memberi manfaat kepada semua orang.³⁰

Perkhidmatan kesihatan boleh dirumuskan sebagai kemudahan dari segi rawatan penyakit yang dilengkapi kemudahan peralatan perubatan dan pegawai kesihatan yang telah dilantik. Sesebuah perkhidmatan kesihatan itu terbentuk berdasarkan faktor berlakunya pertambahan penghijrahan penduduk dan perkembangan ekonomi yang semakin meningkat di sesebuah kawasan itu.

²⁸ Sukri, N.(2020); British Colonialism: The Development Of Health Institutions In Perak, 1911-1939. European Proceedings of Social and Behavioural Sciences:Hlm511-521

²⁹ Lohr, K. N., & Steinwachs, D. M. (2002). Health Services Research: An Evolving Definition of the Field,Health Services Research,;hlm 15–17.

³⁰ Steinwachs D.M, Hughes R.G (2008); Health Services Research: Scope and Significance. In: Hughes RG, editor. Patient Safety and Quality: An Evidence-Based Handbook for Nurses. Rockville (MD): Agency for Healthcare Research and Quality





1.9 Kajian Literatur

Kajian ini adalah tertumpu kepada perkembangan perkhidmatan kesihatan pada era kolonial di Hilir Perak pada tahun 1900 sehingga tahun 1957. Setakat ini, pengkaji mendapati tidak mempunyai kajian terperinci mengenai perkhidmatan kesihatan pada era kolonial di Hilir Perak (1900-1957). Namun, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan kemudahan kesihatan dan rawatan melibatkan kajian di Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang mengkaji perubatan dan kesihatan melibatkan beberapa pengkaji lain.

Pentadbiran perubatan semakin diperkukuhkan semenjak British mula menapak di negeri-negeri Melayu. Melalui kajian Liew (2010) beliau membahaskan mengenai tahap kesihatan tenaga kerja yang perlu diberi perhatian dari aspek persekitaran terutamanya bagi penempatan estet getah.³¹ Perkembangan kesihatan awam dan penyakit berkait rapat dengan keadaan sekeliling yang perlu diberi perhatian oleh kolonial British di Tanah Melayu kerana kelalaian pengurus kawasan akan menyebabkan berlakunya peningkatan masalah kesihatan.³² Melalui penulisan beliau juga memperlihatkan bahawa segala kemudahan kesihatan turut disediakan oleh pihak kolonial British bagi merawat pekerja ladang yang mengalami masalah kesihatan. Aspek berkaitan isu kesihatan yang berlaku di sekitar estet juga diperjelaskan secara umum melibatkan negeri-negeri Melayu di bawah pentadbiran British. Hal ini berikutan penyebaran di kawasan ladang estet lebih

³¹Khiun, L (2010), Planters, Estate Health & Malaria in British Malaya (1900-1940). Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society;hlm 91-115.

³² Ibid





cenderung berlaku disebabkan persekitaran yang tidak bersih dan keperluan sumber air bersih yang terhad untuk kegunaan harian.³³

Hal ini turut dibincangkan oleh Manderson (1987) bahawa pertumbuhan yang pesat melalui sektor ekonomi dalam pertanian, perlombongan dan perdagangan peningkatan penyebaran penyakit semakin bertambah dan sukar dikawal.³⁴ Hal ini, sehingga menyebabkan perubahan secara moden diperluaskan di Tanah Melayu berikutan tenaga kerja yang mengalami masalah kesihatan yang tinggi melibatkan sektor ekonomi pertanian, perlombongan dan perdagangan. Penulisan oleh Liew Kai Khiun dan Lenore Manderson memperlihatkan berkaitan dengan tahap kesihatan dan perkembangan perkhidmatan kesihatan di Tanah Melayu dan negeri Perak. Penulis ini membincangkan berkaitan isu yang sama berkaitan kemudahan kesihatan. Ini dapat dijadikan penekanan kepada pengkaji dalam kajian penyelidikan yang akan tertumpu kepada masyarakat daerah Hilir Perak.

Begitu juga dengan kajian Hairudin Harun(1888) dan Noraini Hassan *et.all* (2013) dikategorikan sebagai penulisan sejarah yang berkaitan perkembangan kemudahan dari segi perkhidmatan kesihatan di NNMB. Melalui kajian Hairudin Harun (1988), beliau turut memperlihatkan dalam penulisannya berkaitan penubuhan dan dasar kesihatan pada zaman imperialisme kolonial British yang tertumpu pada abad 18 dan awal abad 20.³⁵ Perubahan iklim dan kedudukan geografi di Semenanjung yang tidak bersesuaian dengan imigran luar disebabkan cuaca yang panas serta keadaan flora dan fauna yang

³³ Ibid;

³⁴ Manderson, L.(1987); Health Services and The Legitimation of the Colonial State: British Malaya 1786-1941. Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society: International Journal of Health Services: hlm 91-112

³⁵ Hairudin, Harun, (1988). Medicine And Imperialism: A Study Of The British Colonial Medical Establishment, Health Policy And Medical Research In The Malay Peninsula, 1786-1918.: University of London





berbeza menyebabkan tahap kesihatan masyarakat terjejas.³⁶ Implikasi kesihatan yang semakin tidak terkawal memperlihatkan pentadbiran kolonial British mengatur perancangan dari segi penubuhan perkhidmatan kesihatan bertujuan mengawal isu penyakit dalam kalangan tenaga kerja khususnya.

Malahan, Leng (1982) turut membahaskan mengenai perkembangan pentadbiran perkhidmatan kesihatan di Tanah Melayu. Beliau memperlihatkan taraf kesihatan masyarakat mula dianggap penting berikutan pengeluaran sektor ekonomi yang semakin pesat di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu yang tadbir di bawah kolonial British.³⁷ Penulisannya mengaitkan bahawa kapitalisme sebagai kaedah organisasi ekonomi pastinya membawa kepada perkembangan pengeluaran yang baik dari pelbagai sektor. Penambahan sektor kesihatan membawa kepentingan serta keperluan untuk pekerja yang sihat dan produktif ini telah menyebabkan keadaan hidup dan kerja yang lebih baik yang seterusnya menyebabkan taraf kesihatan terjamin. Hal ini berikutan adanya penjagaan kesihatan meliputi alam sekitar terdiri daripada saluran, bekalan air, pembersihan serta penyemburan di kawasan hutan masalah penyakit berjangkit akan dapat dikurangkan.

Perkara tersebut turut dibincangkan oleh Noraini Hassan,*et.all* (2013) dalam penulisannya memperlihatkan mengenai Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan yang memfokuskan mengenai pentadbiran perubatan di bawah pentadbiran kolonial British pada tahun 1896 hingga 1910. Perkembangan dari segi ekonomi dan sosial menyebabkan pihak kolonial British membuat perancangan secara serius dalam

³⁶ Ibid:

³⁷ Leng, C. H. (1982). Health Status and the Development of Health Services in a Colonial State: The Case of British Malaya. International Journal of Health Services, hlm 397-417





membentuk serta menyeragamkan pentadbiran dalam bidang perubatan.³⁸ Penyeragaman pentadbiran dalam bidang perubatan bertujuan bagi memastikan pegawai perubatan yang dilantik mempunyai pengetahuan yang cukup berdasarkan bidang latihan yang diberikan sama ada melibatkan latihan perbidanan, proses suntikan vaksin ataupun proses pembedahan. Pengasingan jabatan perubatan yang dilakukan untuk memastikan pegawai yang berkecukupan sahaja boleh memberikan rawatan kepada pesakit untuk memberikan kepercayaan kepada masyarakat terhadap perubatan moden.

Secara umumnya, kajian Hairudin Harun (1988), Leng C. H. (1982), Hassan, N., & Raja, S.S. (2013), mempunyai persamaan kerana kesemuanya membincangkan mengenai perkembangan dan pentadbiran perkhidmatan kesihatan sekitar tahun 1896 sehingga 1957. Namun kajian tersebut tidak membahaskan secara terperinci perkembangan perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak yang berfokus pada tahun 1900 sehingga 1957. Oleh itu, kajian tersebut memberi ruang untuk pengkaji meneruskan kajian ini dengan menekankan perkembangan perkhidmatan kesihatan berfokus pada daerah Hilir Perak pada era jajahan kolonial British.

Masalah penularan penyakit menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat sehinggakan kerajaan melaksanakan pengasingan secara kuarantin sekitar abad ke 19. Penulisan oleh Enid Wylie. et.all, Malcom Watsom serta Aiza Mazlan@ Baharuddin memperlihatkan berkaitan penemuan dan pencegahan penyakit berjangkit bagi Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai contohnya, Enid Wylie *et.all* (1988) dalam penulisannya memperlihatkan walaupun pihak British menyatakan bahawa kemasukan imigran yang ramai mampu memperluaskan lagi dari segi tenaga buruh namun kepadatan

³⁸ Hassan, N., & Raja, S.S. (2013). Perkembangan Jabatan Perubatan Persekutuan, 1896-1910. Journal of the Department of History





yang ramai tidak mampu menampung persekitaran di ruang kerja terutamanya di kawasan estet ataupun kawasan pertanian yang menyebabkan perubahan kepada corak penyakit.³⁹

Sementara itu, Watsom (1911) beliau membincangkan berkenaan dengan penemuan kawasan penyakit malaria merebak, kesan yang perlu dihadapi oleh tenaga kerja akibat penyakit ini serta pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak British dalam menangani peningkatan kes malaria di Tanah Melayu.⁴⁰ Hal ini turut diketengahkan oleh Aiza (2017) yang membincangkan kesan sistem kuarantin serta pelaksanaan sistem tersebut di Tanah Melayu pada abad 19. Beliau menyatakan pelaksanaan sistem kuarantin ini telah lama memberi kesan dalam sejarah kehidupan manusia. Ianya melibatkan penyakit berjangkit yang memberikan impak besar kepada masyarakat untuk

dicegah daripada berterusan merebak.⁴¹ Ketiga-tiganya memperlihatkan kronologi tercetusnya penyakit dan langkah pencegahan daripada mencetuskan corak penyakit di Tanah Melayu. Ini akan memberikan ruang kepada pengkaji untuk membincangkan isu kesihatan dihadapi dan pencegahannya yang hanya tertumpu kepada masyarakat di daerah Hilir Perak. Kedatangan kolonial British ke negeri Melayu bukan sahaja berlaku perubahan daripada struktur politik ataupun pemerintahan tetapi turut memperkenalkan kemajuan dari aspek permodenan dalam bentuk amalan perubatan Barat.⁴² Penulisan Wan Faizah Wan Yusoff dan Ooi Giok Ling membincangkan berkaitan pemahaman atau pandangan berkaitan perubatan moden menunjukkan perbezaan yang ketara bagi kefahaman dan pengamalan masyarakat Melayu pada era kolonial. Penulisan Wan

³⁹ Enid Wylie; W.L Braddon (1988), The Search of The Cause of Beri -beri in the Malay Peninsula Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society; hlm 93-122 Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society

⁴⁰ Watsom, M (1911); The Prevention of Malaria in the Federated Malay States; Liverpool : Liverpool School of Tropical Medicine

⁴¹ Maslan, A (2017); Sistem Kuarantin Dan Pelaksanaannya Di Tanah Melayu Pada Abad Ke-19; Journal of the Department of History

⁴² Wan Yusoff, W.F (2010), Pengaruh Agama Dan Adat Dalam Penerimaan Masyarakat Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Terhadap Perubatan Barat Sewaktu Zaman Penjajahan British Journal of the Department of History JMRAS





Faizah (2010) menyatakan pengaruh adat dan agama terbahagi kepada dua aspek yang berbeza. Aspek yang diketengahkan berbentuk perspektif dan kefahaman kesihatan dan penyakit. Di dalam penulisan beliau juga mengaitkan berkenaan penerimaan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap kewujudan perubatan berunsur moden semasa era pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu dan NNMB.

Manakala, Ooi Giok Ling (1991) memperlihatkan dalam penulisannya yang mengetengahkan berkaitan perubatan moden dapat mempengaruhi perubatan tradisional kepada masyarakat. Beliau memperlihatkan di dalam kajiannya berkaitan dengan peningkatan taraf kemajuan kesihatan bermula pada tahun 1874-1957. Penyebaran dan pengaruh kaedah perubatan moden pada era kolonial ini memberi kesan pada masyarakat pada era kolonial terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di penempatan luar bandar.⁴³

Perkembangan dalam kemudahan perkhidmatan kesihatan yang tidak sekata pada era kolonial menyebabkan pergantungan pada perubatan tradisional berterusan berdasarkan penerimaan sesetengah masyarakat. Berbanding penulisan Liyana Sukri (2020), membincangkan kesan penubuhan institusi perkhidmatan kesihatan bagi memenuhi keperluan masyarakat ataupun bagi memanfaatkan situasi dalam mempertahankan kedudukannya pada tahun 1911-1939. Ini kerana, melalui kajiannya mendapati bahawa pembangunan institusi kesihatan dan hospital semasa fasa Imperialisme British sedang dalam proses memperkukuhkan eksploitasi kuasa dan ekonomi mereka di Perak khususnya daerah Hilir Perak yang merupakan induk pusat pentadbiran British. Oleh itu, pihak kolonial British dilihat memanfaatkan situasi ini sebagai unsur kolonialisme sosial bagi mengalihkan kecurigaan ataupun keyakinan daripada masyarakat terhadap

⁴³ Ling, G., O (1991); British Colonial Health Care Development and the Persistence of Ethnic Medicine in Peninsular Malaysia and Singapore; Southeast Asian Studies





pentadbiran kolonial British.⁴⁴ Ini kerana beliau berpandangan institusi kesihatan menjadi salah satu pengaruh kesedaran nasionalisme yang berkembang mengikut arus sektor ekonomi. Hal ini, diberikan penekanan oleh pengkaji untuk membahaskan berkaitan kesan perkhidmatan kesihatan daerah Hilir Perak kepada masyarakat pada tahun 1900 - 1957.

Manakala, penulisan daripada Artika Hassan,*et.all* (2020) menengahkan isu penyakit kolera yang masih wujud dan berada dalam lingkungan kehidupan manusia.⁴⁵ Faktor corak cuaca yang mengalami perubahan hujan dan panas menghasilkan suhu yang berbeza kepada individu yang berhijrah masuk daripada negara luar memandangkan kelembapan suhu yang berbeza daripada negara asal sehingga boleh mengakibatkan berlakunya perubahan iklim yang menjejaskan kesihatan. Penyakit taun ataupun kolera yang merebak dikesan berpunca daripada salah satunya melalui perubahan iklim. Oleh itu, penulisan jurnal ini bertujuan bagi memperlihatkan peningkatan yang disebabkan oleh iklim dalam kadar morbiditi bagi penyakit taun. Catatan kes taun direkodkan bermula daripada tahun 2004 sehingga 2014 bagi melihat kesan yang berlaku kepada masyarakat apabila penyakit taun ini berterusan setiap tahun melalui data penyakit taun yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia memandangkan Jabatan Meteorologi salah satu jabatan yang bertanggungjawab dalam melihat taburan iklim di Malaysia. Seinggakan beberapa ciptaan alat teknologi pengesana telah dibangunkan untuk mengukur hubungan antara parameter meteorologi dan bilangan yang dilaporkan kes taun. Kajian yang dilakukan untuk memperlihatkan bahawa faktor perubahan iklim yang berlaku sememangnya mempengaruhi peningkatan

⁴⁴ Sukri, N.(2020); British Colonialism: The Development Of Health Institutions In Perak, 1911-1939; European Proceedings of Social and Behavioural Sciences

⁴⁵ Hassan NA, Hashim JH, Wan Puteh SE, Wan Mahiyuddin WR, Faisal MS (2020), The Impacts of Climate Change on Cholera Disease in Malaysia , MJM Volume 19 No. 1;Hlm75-82





bilangan kes taun berdasarkan rekod masalah kesihatan penduduk bagi setiap negeri. Isu berkaitan penyakit di Perak dan punca penyakit yang menular kepada masyarakat turut dibincangkan oleh H.Yadav (1981) berkaitan dengan penemuan wabak taun di daerah Krian merupakan salah sebuah daerah di bawah naungan negeri Perak. Peningkatan kes yang berlaku menjadi wabak epidemik bagi masyarakat dalam kalangan Melayu, Cina dan India.⁴⁶

Walaupun tiga kumpulan etnik utama daripada Melayu, Cina dan India terlibat dalam wabak, orang Melayu merupakan majoriti kes dan pembawa. Melalui rekod perubatan bagi negeri Perak wabak taun yang paling tinggi dijangkiti adalah dalam kalangan golongan muda.⁴⁷ H.Yadav memperlihatkan beberapa faktor dan punca penyebab wabak taun dijangkiti dalam kalangan masyarakat yang tertumpu di daerah Krian sahaja. Hal ini, diberikan penekanan oleh pengkaji untuk membahaskan lebih jelas berkaitan jenis penyakit dan punca penyakit yang merebak kepada masyarakat Hilir Perak pada tahun 1900-1957 memandangkan ianya belum difokuskan oleh penulis lain.

Kajian terdahulu banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat serta memberi gambaran awal berkenaan isu-isu kesihatan yang sebahagiannya di bawah negeri Melayu agar dapat dijadikan fokus dalam kajian pengkaji menjurus kepada perkhidmatan kesihatan daerah Hilir Perak di bawah tadbir urus British. Ini kerana, kajian lain yang memperlihatkan perkembangan kemudahan perkhidmatan kesihatan di negeri Perak diperjelaskan atau diperlihatkan secara dasar sahaja serta ianya tidak tertumpu di daerah Hilir Perak.

⁴⁶ H.Yadav(1990), Cholera in Sarawak: A Historical Perspective 1873-1989, Med. J. Malaysia Vol. 45 No. 3 ,Hlm194-201

⁴⁷ Ibid;





1.10 Pembahagian Bab

Bagi penulisan kajian yang dijalankan ini telah dibahagikan kepada enam bab kesemuanya. Untuk pembahagian bab pertama dalam penulisan ialah melibatkan bab pengenalan. Dalam bab pengenalan dijelaskan tentang masalah-masalah yang dikaji lebih mendalam melibatkan objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, kajian literatur, kepentingan kajian, metodologi kajian yang digunakan dan rumusan dalam kajian penyelidikan.

Manakala, bagi bab kedua pula menjelaskan sejarah dan latar belakang masyarakat di Hilir Perak. Sejarah dan latar belakang penubuhan perkhidmatan kesihatan di Hilir Perak dihuraikan dengan lebih teliti dalam bab ini. Kedudukan geografi daerah Hilir Perak dijelaskan dengan menggunakan peta daerah bagi memperlihatkan kawasan mukim serta perkampungan di sekitar Hilir Perak. Selain itu, dalam bab kedua menjelaskan berkaitan dengan komposisi masyarakat yang menetap di daerah tersebut mengikut proses migrasi tenaga buruh ke Hilir Perak yang melibatkan masyarakat majmuk daripada pelbagai kaum dan keturunan. Ini kerana, petempatan penduduk mula meluas berdasarkan peredaran tempoh masa bermula tahun 1900 sehingga tahun 1957. Selanjutnya, pengkaji membincangkan secara umum tentang kemajuan infrastruktur dan kemudahan yang dibangunkan melibatkan perbandaran, pengangkutan serta kemudahan asas lain. Dalam bab dua ini turut memperlihatkan amalan kepercayaan dalam bidang perubatan yang diamalkan oleh masyarakat di kawasan Hilir Perak.





Seterusnya, bab ketiga menjurus kepada perkembangan perkhidmatan kesihatan kolonial british di daerah hilir perak melibatkan institusi perkhidmatan kesihatan. Bab ini menerangkan tentang struktur penyusunan pentadbiran bagi perkhidmatan kesihatan di Hilir Perak pada tahun 1900-1957 yang diperincikan lebih jelas. Peranan agensi pekhidmatan di daerah Hilir Perak juga diseragamkan mengikut keperluan semasa masyarakat bagi menangani isu kesihatan dan kebersihan kawasan. Selain itu, dalam bab ini membahaskan mengenai langkah pencegahan, peranan Lembaga Kesihatan (*Health Board*), Lembaga Kebersihan (*Sanitary Board*) untuk menangani penularan penyakit di Hilir Perak termasuklah peruntukan kewangan dalam bidang perubatan.

Bab keempat, memperincikan tentang peranan pihak pentadbir kolonial British terhadap isu-isu kesihatan di daerah Hilir Perak pada tahun 1900 hingga tahun 1957. Bab ini membincangkan peranan kolonial British di daerah Hilir Perak bertujuan untuk kemudahan masyarakat di sekitarnya bagi mendapatkan rawatan. Selain itu, di dalam bab ini memperlihatkan berkaitan dengan jenis penyakit yang dihadapi oleh masyarakat di daerah Hilir Perak dalam jangka masa yang telah difokuskan termasuklah langkah yang dilaksanakan bertujuan pengawalan penyakit berjangkit. Turut dijelaskan dalam kajian melibatkan pelaksanaan sistem kuarantin, sistem vaksin serta penguatkuasaan undang-undang terhadap penggunaan rokok, todi dan perkara -perkara lain yang tidak dibenarkan.

Seterusnya, bab kelima menjelaskan tentang kesan perkhidmatan kesihatan terhadap masyarakat majmuk di daerah Hilir Perak. Bab ini, membincangkan secara khusus mengenai kesan kemajuan serta perubahan perkhidmatan kepada masyarakat di Hilir Perak. Bab ini turut mengaitkan perbincangan berkaitan dengan penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), pembangunan bandar yang membawa perkembangan





sektor pekerjaan, penubuhan klinik kerajaan, pertambahan klinik swasta di bandar Hilir Perak. Ianya mempengaruhi kewujudan pakar perubatan professional serta kadar kematian berkurangan dan kadar kelahiran meningkat diperlihatkan berdasarkan pelaksanaan program ataupun kempen hidup sihat. Segala isu dan kesan lain juga dibincangkan lebih jelas lagi di bahagian bab ini.

Bab keenam pula adalah berkaitan dengan bab kesimpulan kepada kajian ini. Dalam bab ini, penyelidik membuat rumusan dan kesimpulan berkaitan dengan kandungan kajian yang dilengkapkan. Melalui bab enam, memperlihatkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di Hilir Perak mampu diperkembangkan. Malah, dapat memberi sumbangan besar terhadap pembaharuan dan pembangunan Hilir Perak terutamanya dari segi sosioekonomi.



1.11 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kajian dijalankan ianya dapat menyimpulkan bahawa perkembangan perkhidmatan kesihatan di daerah Hilir Perak mengikut kronologi struktur pentadbiran kolonial British. Penulisan kajian penyelidikan ini lebih berfokus kepada pembangunan dan kemajuan yang dilakukan pada tahun 1900-1957. Setiap penulisan berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan menarik dikaji lebih jelas dan hanya berfokus kepada masyarakat di daerah Hilir Perak agar dapat dibincangkan mengikut peranan kolonial British dan kemudahan institusi kesihatan yang dibangunkan. Melalui penyelidikan ini, diharap para pembaca dapat lebih mudah untuk meneliti keunikan dan kepentingan kajian dijalankan terhadap sejarah negara. Setiap objektif dan permasalahan





kajian yang dinyatakan dalam proposal kajian ini pasti dirungkai dengan sempurna oleh penyelidik bagi menjawab persoalan yang terwujud dalam kajian yang dijalankan.

